

UMS perkenal dua kursus baharu

UB 22-03-2017 A7

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

► Untuk pascasiswazah dan prasiswazah

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) perkenal dua kursus baharu untuk pascasiswazah dan prasiswazah.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata dua kursus baharu itu termasuklah Kursus Sarjana Sastera (Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa) serta Program Pendarasan Islam.

Menurutnya kursus Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa ditawarkan untuk program sepenuh masa dan separuh masa di bawah Pusat Pengajian Pascasiswazah UMS.

Pihaknya juga akan memperbanyakkan promosi dan kerjasama dengan badan-badan kerajaan dalam mempromosikan peluang

“Dua kursus baharu itu termasuklah Kursus Sarjana Sastera (Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa) serta Program Pendarasan Islam.”

PROF DATUK DR MOHD HARUN ABDULLAH
Naib Canselor UMS

melanjutkan pengajian di peringkat pascasiswazah.

“Program Pendarasan Islam pula menawarkan Ijazah Sarjana Muda Pendarasan Islam (dengan Kepujian).

“Ia akan menerima pelajar pada sesi pengajian Semester 1 Sesi 2017/2018 bermula September tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis Pelancaran Kursus Sarjana Sastera (Kerajaan dan Hubungan Antarabangsa) dan Program Pendarasan Islam yang dirasmikan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Musa Haji Aman, di sini, kelmarin.

Harun berkata istilah pendarasan diambil dari kata dasar bahasa Arab ‘darasa’ yang bermaksud mengaji.

Istilah berkenaan jelasnya sinonim dengan makna belajar yang berpaksikan disiplin ilmu Islam yang terdiri dari aspek usuluddin, syariah, dakwah, akhlak, dan bahasa Arab.

Pihaknya berharap pengajian selama tiga tahun untuk program itu dapat menyediakan pelajar yang mampu menghadapi cabaran globalisasi.

Pada masa sama, katanya, ia mampu memurnikan pemahaman agama dalam kalangan masyarakat agar ajaran agama yang diamalkan bersesuaian dengan enakmen negeri serta selari dengan Perlembagaan Persekutuan.

“UMS akan sentiasa menyokong usaha kerajaan negeri khususnya dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Sabah.

“Sebagai contoh, kerjasama antara UMS dan Institut



MUSA (tiga kiri) bersama Harun (dua kiri), Hasnol (kiri) dan tetamu undangan lain selepas pelancaran kursus baharu di UMS kelmarin.

Pembangunan Kajian (IDS), ramai dalam kalangan pakar UMS menjadi ahli lembaga pengarahnya.

“Ini menunjukkan kepercayaan institusi luar

yang menghargai kepakaran yang dimiliki oleh UMS,” jelasnya.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif IDS Datuk Mohd Hasnol Ayub.